

**ARAHAN PENTADBIRAN UNTUK DIHEBAHKAN DALAM LAMAN PORTAL
RASMI JPK**

**MAKLUMAN KELULUSAN KHAS PELAKSANAAN PROGRAM KEMAHIRAN
SEHINGGA SATU (1) TAHUN BAGI PROGRAM BERTAULIAH YANG TELAH
TAMAT TEMPOH PENTAULIAHAN SUSULAN DARIPADA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MELALUI KAEDAH SISTEM LATIHAN
PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL
(SLDN)**

Ruj : JPK/702/1/10 Jld. 15 (44)
Tarikh : 30 April 2020

Adalah dimaklumkan bahawa bahawa urusan berkaitan dengan permohonan pentaualiahan sama ada di Bahagian MOSQ atau Bahagian SLDN telah ditangguhkan sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat. Jabatan sedia maklum bahawa terdapat program bertaualiah di Pusat Bertaualiah (PB) melalui kaedah Sistem Latihan Program Bertaualiah (SLaPB) dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) didapati telah tamat tempoh pentaualiahannya di dalam tempoh PKP dan sebilangan lagi akan tamat dalam waktu terdekat.

Justeru itu, bagi membolehkan PB SLaPB dan SLDN menyelesaikan latihan dan penilaian pelatih / perantis sedia ada di dalam tempoh PKP / Pasca PKP walaupun tempoh tauliah bagi program bertaualiah telah tamat, Jabatan telah mempertimbangkan dan bersetuju memberikan **kelulusan khas bagi pelaksanaan program kemahiran sehingga satu (1) tahun bagi program bertaualiah yang telah tamat tempoh pentaualiahan susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melalui kaedah SLaPB dan SLDN** dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- a. PB telah memohon pembaharuan pentaualiahan program, namun proses pembaharuan tidak dapat dibuat oleh JPK disebabkan oleh situasi PKP buat masa ini;
- b. Pentaualiahan program tidak dapat diperbaharui memandangkan JPK tidak dapat menentusahkan permohonan PB oleh kerana Lawatan Panel Penilai Pentaualiahan Program Kemahiran (PPPPK) dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal (JKT) tidak dapat dibuat buat masa ini;
- c. Bagi program latihan yang belum tamat, PB diberikan kelulusan khas oleh Ketua Pengarah untuk meneruskan proses latihan dalam tempoh PKP/Pasca PKP ini berdasarkan pentaualiahan dan pendaftaran pelatih/perantis sedia ada;

MAKLUMAN KELULUSAN KHAS PELAKSANAAN PROGRAM KEMAHIRAN SEHINGGA SATU (1) TAHUN BAGI PROGRAM BERTAULIAH YANG TELAH TAMAT TEMPOH PENTAULIAHAN SUSULAN DARIPADA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) MELALUI KAEDAH SISTEM LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB) DAN SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

- d. Kelulusan khas ini bukan merupakan pembaharuan atau perlanjutan pentaualiahan, tetapi merupakan kelulusan khas untuk PB menjalankan latihan secara sementara dalam tempoh PKP/ Pasca PKP dan Ketua Pengarah boleh menetapkan syarat-syarat yang difikirkan sesuai bersama Kelulusan Khas ini; dan
- e. Bahagian MOSQ dan Bahagian SLDN JPK akan mengadakan Lawatan Panel Penilai Pentaualiahan/Lawatan Penentusahan Pentaualiahan secepat mungkin setelah keadaan mengizinkan bagi menentusahkan permohonan pembaharuan pentaualiahan PB, dan sekiranya permohonan diluluskan, tempoh pentaualiahan adalah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Akta 652 iaitu selama 3 tahun.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

***“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja Amanah Aspirasi Negara”***

**Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia**